

30/04/2001

Majlis pantau projek utama elak banjir

Salina Abdullah

PETALING JAYA, Ahad - Semua projek pembangunan utama di setiap negeri akan dipantau Majlis Perancangan Fizikal Kebangsaan bagi memastikan masalah seperti banjir kilat yang melanda ibu kota baru-baru ini, tidak berulang.

Menerusi Pelan Pembangunan Ruang Kebangsaan, majlis itu yang dipengerusikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan memantau dan menyelaraskan pelan struktur dan tempatan semua negeri bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan teratur dan mapan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata langkah itu antara tindakan yang akan dilaksanakan apabila Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dipinda tidak lama lagi.

"Ia bertujuan mengelak pembangunan tidak terancang di setiap negeri sehingga menimbulkan pelbagai masalah," katanya kepada pemberita merasmikan Program Kitar Semula Kelab Kiwanis, bagi kawasan perumahan Taman Paramount, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam juga menyentuh masalah itu dan menyebut reka bentuk pembangunan bandar yang kurang baik dan masalah setinggian antara punca banjir di Kuala Lumpur.

Ong berkata, menerusi pindaan itu, kerajaan akan memantau dan menyelaraskan projek pembangunan besar di setiap negeri, seperti projek pembangunan bandar baru, dengan penduduk melebihi 10,000 orang dan kawasan melebihi 250 hektar.

Pemantauan itu, katanya, turut membabitkan pembinaan di kawasan tinggi, lereng bukit, tempat warisan serta kawasan sensitif dari segi pemuliharaan alam sekitar.

"Pada masa ini, banyak pihak berkuasa tempatan tidak mewartakan dan melaksanakan pelan struktur yang dibangunkan menyebabkan timbul pelbagai masalah.

"Dengan pindaan ini, kita akan memastikan perkara seperti ini tidak lagi berlaku," katanya sambil mengakui akta sedia ada tidak memperuntukkan banyak kawalan terhadap pembangunan yang diluluskan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ong bagaimanapun berkata, langkah itu tidak menjejaskan kuasa kerajaan negeri berikutan pindaan akta itu memberi lebih kuasa kepada kerajaan negeri mengawal selia peranan PBT.

Beliau berkata, kerajaan negeri bertanggungjawab memastikan pelan struktur dan tempatan yang disediakan PBT diwartakan dan dilaksanakan bagi meminimumkan kemudaratan kepada manusia dan alam sekitar.

Pindaan akta itu juga, katanya, membabitkan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Wilayah yang akan ditubuhkan bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di antara daerah dalam satu wilayah.

Menerusi jawatankuasa itu, katanya, setiap negeri akan mengetahui pembangunan yang dijalankan di negeri lain, terutama yang bersempadan dengannya.

Mengulas kejadian banjir di ibu kota yang mengorbankan dua nyawa Khamis lalu, beliau mengakui kejadian itu disebabkan pembangunan tidak terancang.

Bagaimanapun, katanya, setiap jabatan kerajaan berkaitan tidak boleh menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain, sebaliknya bekerjasama mencari jalan menangani masalah itu.

"Jabatan Pengairan dan Saliran dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu berbincang dan bekerjasama menangani masalah ini," katanya.

Dalam kejadian petang Khamis lalu, hujan lebat berterusan kira-kira tiga

jam menenggelamkan beberapa jalan utama apabila air Sungai Klang dan Sungai Gombak melimpah dan menyebabkan dua orang mati, masing-masing kerana terkena kejutan elektrik dan terjatuh ke dalam sungai.

Banjir kilat itu dipercayai terburuk sejak 1971, menyebabkan berpuluh-puluh kenderaan tersadai dan menyebabkan kesesakan jalan raya yang buruk.

(END)